

TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP HARI TERBUKA UMP 2016
DAN
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
CREATION, INNOVATION, TECHNOLOGY & RESEARCH EXPOSITION 2016
PADA HARI SELASA, 8 MAC 2016, PUKUL 2:30 PETANG
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG

SALUTASI

Saudara pengacara majlis;

Rakan-rakan strategic UMP:

Yang Berbahagia Dr Mohd Khairi Zawi,

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara;

Encik Firdaus Abdullah,

Ketua Pegawai Eksekutif, SilTerra Malaysia Sdn Bhd;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa),
merangkap Pengerusi, Hari Terbuka UMP 2016;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi),
Merangkap Pengerusi CITREX 2016;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail.
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abd Rahman Haji Safie,
Pemangku Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Para pengetua dan guru besar;

Wakil-wakil swasta, industri dan korporat;

Para pelajar dan mahasiswa;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat hadir untuk menyempurnakan penutupan rasmi Hari Terbuka UMP 2016 pada petang ini.
2. Sesungguhnya, penganjuran edisi ketiga Hari Terbuka ini amat penting dalam konteks memaknakan kewujudan dan kehadiran UMP sebagai sebuah Universiti Awam yang beroperasi di negeri Pahang dengan keupayaan untuk menabur manfaat kepada komuniti sekitar dan rakyat jelata di negeri ini secara khususnya.
3. Oleh yang demikian, penganjuran Hari Terbuka UMP 2016 yang turut dimeriahkan lagi dengan *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition* (CITREX) 2016 dan Karnival Mahabbah dengan pelbagai tumpuan kumpulan sasaran membuktikan kesungguhan UMP untuk menampilkan kewujudannya bukan sahaja sebagai sebuah menara gading, tetapi juga sebagai sebuah institusi yang merakyat.

4. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan UMP amat menghargai penglibatan pelbagai pihak, sama ada dari dalam atau luar Universiti ini, sama ada sebagai peserta, pengunjung atau ahli jawatankuasa dalam memastikan kelancaran penganjuran edisi ketiga Hari Terbuka ini.

5. Adalah menjadi harapan pihak pengurusan UMP untuk melihat semula strategi dan kaedah penganjuran Hari Terbuka ini supaya acara yang dilaksanakan secara tahunan ini benar-benar menampilkan agenda semasa dan hasrat strategik Universiti dengan falsafah, tema dan mesej yang jelas supaya acara ini memberi manfaat dan nilai tambah dalam aspek pengisian (*substance*) dan tidak semata-mata berakhir dalam bentuk upacara sahaja.

HARI TERBUKA 2016 DAN HASRAT STRATEGIK UMP

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Penganjuran Hari Terbuka UMP kali ini berlangsung tatkala UMP berada pada peringkat awal pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang meletakkan sasaran untuk menjadikan UMP sebuah Universiti Teknologi Terunggul menjelang tahun 2020.

8. Dengan lima lonjakan strategik yang telah dikenal pasti dalam kerangka Pelan Strategik tersebut, maka penganjuran acara tahunan yang penting seperti Hari Terbuka ini perlu turut dijajarkan dengan keperluan-keperluan semasa kelima-lima lonjakan strategik berkenaan iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran serta Keunggulan Jenama.

9. Perspektif strategik ini perlu diberikan perhatian secara berterusan bagi memastikan pelaksanaan Hari Terbuka UMP sentiasa sealiran dengan agenda semasa pihak pengurusan. Justeru, kita tidak sekadar melakukan perkara yang sama setiap tahun, tetapi turut memikirkan penambahbaikan supaya setiap edisi Hari Terbuka UMP dapat ditampikan dengan elemen kelainan yang terhasil daripada kreativiti dan inovasi perancangan serta pengurusan acara.

10. Walaupun akademik merupakan urusan teras (*core business*) sesebuah universiti, namun skop peranan gedung ilmu pengetahuan ini perlu difahami dalam dimensi yang lebih luas, dan tidak terbatas kepada fungsi tradisional itu semata-mata.

11. Universiti, yang digambarkan sebagai *studium generale* atau 'sekolah pengajian sejagat' (*school of universal learning*) sebenarnya mendukung peranan dan obligasi yang lebih besar.

12. *Universal learning* di sini boleh merujuk kepada proses penyebaran pengetahuan bukan sahaja kepada komuniti sesebuah universiti, tetapi tidak kurang pentingnya juga, penyebaran pengetahuan kepada masyarakat. Justeru, bertitik tolak dari fungsi kedua tersebut, timbullah istilah-istilah seperti 'memasyarakatkan universiti' dan 'pendemokrasian pendidikan'.

13. Maka itulah, aspek interaksi UMP dengan masyarakat turut diberikan perhatian yang istimewa dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang didasari oleh slogan 'Memasyarakatkan Teknologi'.

14. Dalam ruang lingkup inilah maka Hari Terbuka UMP serta CITREX dapat diperanankan sebagai medan di mana saling kaitan antara UMP dan masyarakat dapat ditonjolkan dalam pelbagai lapangan, contohnya, kerjasama penyelidikan, pemindahan pengetahuan, pendedahan teknologi, perkongsian pengalaman dan lain-lain lagi.

15. Hal ini tidaklah terbeban pada satu-satu pihak atau Pusat Tanggungjawab semata-mata, tetapi merupakan kewajipan kolektif setiap segmen dalam ekosistem UMP. Maka itulah, majlis pada petang ini turut mengabadikan penghargaan kepada enam buah Sekolah Kluster Kecemerlangan Kementerian Pendidikan Malaysia yang baharu ditindikkan kepada UMP bagi siri yang kesembilan.
16. Justeru, komitmen sosial berkaitan penyebaran pengetahuan kepada kelompok ini perlu diberikan acuan khusus yang realistik dan praktikal bagi memastikan mesej utamanya dapat disampaikan dengan berkesan, sama ada secara formal atau informal.
17. Oleh yang demikian, saya melihat bahawa penganjuran Hari Terbuka UMP adalah antara inisiatif kita untuk memasyarakatkan Universiti ini melalui saluran yang formal yang dikombinasikan dengan kaedah penyebaran maklumat dan pengetahuan secara informal.
18. Pendekatan ini pada hakikatnya amat munasabah dan praktikal kerana penyebaran ilmu kadangkala adalah lebih berkesan dibuat dengan cara yang santai, umpamanya dalam bentuk pameran, lawatan, pertandingan atau karnival.

19. Melihat kepada susunan aktiviti mulai 7 hingga 9 Mac 2016, kreativiti dan inovasi perancangan dan pengurusan acara seperti disebutkan di awal ucapan tadi nampaknya telah diterjemahkan dengan baik dalam penganjuran Hari Terbuka UMP kali ini sebagai sebuah acara yang bersifat inklusif dan sesuai untuk semua peringkat masyarakat.

20. Aspek keterangkuman (*inclusiveness*) yang dikemukakan tersebut amat penting bagi menarik kumpulan sasaran kita dalam masyarakat, seperti pelajar dan lepasan sekolah, ibu bapa, pendidik, kaunselor, pengamal media dan pemimpin setempat untuk berkunjung ke UMP bagi memeriahkan acara ini.

21. Kehadiran kumpulan sasaran tersebut secara fizikal di sini melalui saluran Hari Terbuka UMP membolehkan mereka menyaksikan sendiri dan seterusnya menghargai pencapaian cemerlang Universiti ini dalam pelbagai lapangan.

22. Maka, dalam konteks promosi dan penjenamaan, Hari Terbuka ini membolehkan UMP dikenali dengan lebih dekat, kewujudannya sebagai sebuah institusi yang inklusif dapat dilihat, dirasai dan didengari.

23. Oleh sebab itulah penganjuran acara tahunan ini perlu diteruskan secara konsisten, sejajar dengan hasrat strategik UMP. Walaupun pulangan nilainya mungkin tidak dapat dikuantifikasi dengan khusus, namun impak penganjuran Hari Terbuka ini kepada peningkatan imej dan reputasi UMP di mata umum telah cukup untuk membuktikan keberkesanannya dalam konteks promosi dan penjenamaan.
24. Keadaan ini sebenarnya merupakan satu cabaran kepada Jawatankuasa Pelaksana untuk terus berusaha keras bagi memikirkan hala tuju Hari Terbuka UMP, terutamanya dalam aspek pengembangan skop dan peningkatan kualiti penganjurannya pada masa akan datang.

HARAPAN UNTUK CITREX 2016

25. Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam konteks penganjuran CITREX 2016 pula, saya amat sukacita kerana edisi keempat ini telah menyaksikan pengembangan skop penganjurannya di mana penyertaan telah turut dibuka kepada sekolah-sekolah menengah sebagai tambahan kepada kategori sedia ada iaitu staf dan mahasiswa UMP.

26. Selain itu, kesediaan anak syarikat UMP iaitu UMP Holdings Sdn Bhd dan Pusat-pusat Kecemerlangan seperti CERRM, CARIFF, AEC dan IBM COE untuk menaja beberapa kategori hadiah dalam edisi CITREX kali ini merupakan satu perkembangan yang amat menggalakkan.

27. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pelaksana CITREX harus melipat gandakan lagi promosi penganjurannya supaya lebih banyak pihak, khususnya pihak swasta, industri dan korporat tampil untuk menaja hadiah-hadiah pemenang untuk kategori-kategori yang dikenal pasti.

28. Selain itu, dengan adanya 24 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan yang kini ditindikkan kepada UMP, maka aspirasi pembudayaan inovasi dan kreativiti dapat dikembangkan lagi dengan menjemput semua sekolah berkenaan untuk menyertai CITREX secara tetap mulai tahun hadapan.
29. Sehubungan dengan itu, tibalah masanya bagi Jawatankuasa Pelaksana CITREX untuk meneliti semula kategori penyertaan sedia ada dan mempertimbangkan beberapa kategori penyertaan yang baharu bagi memastikan slogan 'Memasyarakatkan Teknologi' yang saya nyatakan tadi dapat direalisasikan dalam erti kata yang sebenarnya.

PENGHARGAAN DAN LAFAZ PERASMIAN

30. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pastinya, Hari Terbuka UMP 2016 merupakan hasil sinergi dan kegigihan pelbagai pihak yang berusaha untuk menjadikannya satu acara yang berjaya.

31. Justeru, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pelaksana, pelbagai Pusat Tanggungjawab, warga kerja dan mahasiswa dari pelbagai peringkat, pempamer, penyelidik dan peserta atas khidmat serta komitmen yang telah diberikan.

32. Tidak ketinggalan juga adalah pihak media dan orang ramai yang telah memberikan sokongan dengan mempromosi dan mengunjungi Hari Terbuka UMP 2016. Saya juga secara khusus ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Institut Sukan Negara (ISN) dan SilTerra Malaysia Sdn Bhd yang telah memeterai memorandum persefahaman dengan UMP pada pagi ini dan pertukaran dokumen kerjasama tersebut akan turut berlangsung dalam majlis pada petang ini.

33. Mudah-mudahan dengan komitmen dan sokongan tersebut, UMP akan terus maju ke hadapan untuk menjadi sebuah institusi yang cemerlang dan disegani. Saya juga berdoa agar kita semua terus dilimpahkan dengan kekuatan akal, rohani dan jasmani untuk terus berkhidmat cemerlan, *Amin*.

34. Dengan harapan dan doa tersebut, serta dengan lafaz mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Hari Terbuka UMP 2016.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.